

ISU PERBELANJAAN DALAM KEHIDUPAN PELAJAR B40 DAN KECENDERUNGAN PELAJAR UNTUK TERLIBAT DALAM KEUSAHAWANAN

EXPENDITURE ISSUES IN THE LIVES OF B40 STUDENTS AND STUDENTS TENDENCY TO BE INVOLVED IN ENTREPRENEURSHIP

Mohd Fairus Bin Sulaiman¹

¹Unit Ambilan dan Pembangunan Pelajar, Kolej Komuniti Sandakan (KKSJ) Sabah, Malaysia,
(E-mail: fairus.sulaiman@kksk.edu.my)

Article history

Received date : 12-7-2022
Revised date : 13-7-2022
Accepted date : 11-10-2022
Published date : 15-10-2022

To cite this document:

Sulaiman, F. (2022). Isu Perbelanjaan Dalam Kehidupan Pelajar B40 Dan Kecenderungan Pelajar Untuk Terlibat Dalam Keusahawanan *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(16), 67 - 74.

Abstrak: Dunia kini menghadapi kesan inflasi yang sangat tinggi akibat pertambahan perkhidmatan dan bekalan sejak ekonomi dibuka semula. Dari semasa ke semasa inflasi akan meningkatkan kos sara hidup sama ada di bandar atau luar bandar. Hal ini secara tidak langsung memberi kesan kepada mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi. Kebanyakan pelajar bergantung sepenuhnya dengan bantuan pinjaman pendidikan atau biasiswa sepanjang mereka berada di institusi. Kebanyakan pelajar B40 adalah antara yang paling terkesan akibat ketidakpastian ekonomi pada masa kini. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kesukaran perbelanjaan dan tahap kecenderungan pelajar untuk terlibat di dalam keusahawanan pelajar B40. Responden yang diambil dari kajian ini adalah melibatkan pelajar dari Kolej Komuniti Negeri Sabah. Kolej yang terlibat adalah Kolej Komuniti Sandakan, Kolej Komuniti Tawau, Kolej Komuniti Semporna, Kolej Komuniti Beaufort, Kolej Komuniti Tambunan, Kolej Komuniti Kota Marudu dan Kolej Komuniti Penampang. Bilangan responden yang diambil adalah seramai 205 orang pelajar. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data adalah menggunakan borang soal selidik menggunakan google form. Data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan perincian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) secara deskriptif. Dapatan kajian mendapati majoriti responden yang mempunyai masalah perbelanjaan adalah dari kalangan pelajar B40. Disebabkan ini ramai pelajar selalu membandingkan harga barang sebelum membeli (skor min 4.30) dan pelajar selalu membeli keperluan asas sahaja (skor min = 3.98). Selain daripada itu, tahap kecenderungan pelajar B40 adalah pada tahap sederhana untuk terlibat di dalam keusahawanan. Hasil dapatan tersebut menunjukkan masih ramai pelajar kurang berminat untuk menceburkan diri di dalam bidang keusahawanan sebagai kerjaya. Justeru itu semua pihak perlu merangka kaedah yang sesuai dan melaksanakan program bagi membantu pelajar-pelajar miskin meneruskan pengajian di institusi. Selain daripada itu, program pendidikan dan pembudayaan keusahawanan perlu dipertingkatkan di peringkat institusi bagi meningkatkan minat kerjaya di dalam bidang keusahawanan.

Kata Kunci: Isu Perbelanjaan, Kecenderungan pelajar.

Abstract: *The world is now facing the effects of very high inflation due to the increase in services and supplies since the economy reopened. Over time inflation will increase the cost of living whether in urban or rural areas. This indirectly affects students in Institutions of Higher Learning. Most students rely entirely on the help of educational loans or scholarships as long as they are in the institution. Most B40 students are among the most affected by the current economic uncertainty. This study aimed to assess the level of spending difficulty and the level of students' tendencies to engage in entrepreneurship of B40 students. Respondents taken from this study involved students from Sabah State Community College. The colleges involved are Sandakan Community College, Tawau Community College, Semporna Community College, Beaufort Community College, Tambunan Community College, Kota Marudu Community College and Penampang Community College. The number of respondents taken was 205 students. The instrument used to obtain data utilize questionnaire using google form. The data obtained will be analysed using the details of the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) descriptively. The findings of the study found that the majority of respondents who have spending problems are from B40 students. Due to this, many students always compare the price of goods before buying (mean score 4.30) and students always buy only basic necessities (mean score = 3.98). Apart from that, the level of inclination of B40 students is at a moderate level to be involved in entrepreneurship. The findings show that many students are still less interested in venturing into the field of entrepreneurship as a career. Therefore, all parties need to formulate appropriate methods and implement programs to help poor students continue their studies at the institution. Apart from that, entrepreneurship education and cultivating programs need to be enhanced at the institutional level to increase career interest in the field of entrepreneurship.*

Keywords: *Expenditure Issues, Student Tendencies.*

Pengenalan

Kewangan memainkan peranan penting dalam prestasi akademik pelajar. Masalah kewangan adalah isu serius yang perlu ditangani kerana ia membawa kepada pelbagai peringkat masalah seperti isu kesihatan dan prestasi akademik (Norazlan et al., 2020). Menurut Dang dan Bulus (2015) pendidikan merupakan perkhidmatan sosial yang mempunyai kos perbelanjaan yang tinggi justeru, sokongan kewangan yang tidak mencukupi akan menjadi masalah kepada pelajar untuk meningkatkan diri dalam akademik sekali gus membawa kepada prestasi akademik yang lemah. Kajian Norazlan et al., 2020 mendapati terdapat perkaitan antara masalah kewangan dan prestasi akademik dalam kalangan pelajar universiti awam di Malaysia diuraikan berdasarkan bantuan kewangan yang lewat diterima, kekurangan sumber kewangan, pinjaman/biasiswa yang tidak mencukupi dan kekurangan pengurusan kewangan. Daripada dapatan kajian tersebut, sesetengah pelajar hanya bergantung kepada pinjaman pendidikan atau biasiswa. Keadaan ini akan menyebabkan perbelanjaan mereka akan terhad dan terpaksa berjimat cermat.

Senario masalah kewangan yang berlaku sepanjang pengajian boleh menjadi satu pengalaman pahit dalam kehidupan pelajar miskin yang mungkin menyebabkan mereka akan berusaha untuk mengubah kehidupan mereka pada masa hadapan. Keadaan ini boleh menjadi faktor kepada minat untuk menjadi usahawan. Ini kerana menurut Lee dan Rodríguez-Pose, (2021), keusahawanan sering dilihat sebagai penyelesaian terbaik untuk mengurangkan kemiskinan. Kajian oleh Saufi et al. (2021) juga mencadangkan supaya asnah dilibatkan dalam keusahawanan untuk mengubah keadaan hidup. Selain itu, usahawan boleh membantun orang lain melalui penciptaan pekerjaan, pendapatan yang lebih tinggi, justeru mereka boleh

membantu ahli keluarga mereka yang tiada pekerjaan untuk mencari pekerjaan. Namun begitu buka semua pelajar minat kepada bidang keusahawanan walaupun banyak contoh kejayaan dilaporkan di media sosial. Sebahagian cenderung itu bekerja dengan kerajaan atau swasta disebabkan pendapatan yang tetap seperti yang dijelaskan dalam kajian banyak kajian (Hamzah et al., 2009; Mainor & Lai, 2020; Haron et al., 2021). Berdasarkan kepada perbincangan ini, timbul persoalan sejauh mana masalah perbelanjaan yang dihadapi oleh pelajar di Sabah. Ini kerana terdapat kajian Sabah merupakan negeri paling ramai rakyat B40, namun mungkin cabaran perbelanjaan adalah tidak sehebat tinggal di negeri-negeri lain di semenanjung Malaysia. Justeru itu objektif kajian ini adalah untuk:

- a) Menilai tahap kesukaran perbelanjaan dalam kehidupan pelajar B40
- b) Menilai tahap kecenderungan pelajar B40 untuk terlibat dalam keusahawanan

Sorotan Literatur

Masalah perbelanjaan pelajar

Terdapat kajian menunjukkan bahawa sebilangan pelajar bergantung kepada pendapatan keluarga, ada juga yang terpaksa bekerja untuk membiayai sendiri pelajaran dan keperluan harian (Norazlan et al., 2020). Kekurangan sumber kewangan membawa kepada masalah menguruskan perbelanjaan mereka, dan terdapat kajian menunjukkan sebahagian pelajar hanya berbelanja untuk keperluan asas sahaja, dan ada yang berhutang untuk membeli makanan (Rahim et al. (2020). Sementara itu, Daud et al. (2018) menyatakan sebilangan pelajar tidak mempunyai sumber kewangan lain kerana tidak mahu membebankan diri dengan berhutang dan berhutang. Dengan kekurangan sumber kewangan untuk mengatasi masalah kewangan, sesetengah pelajar terpaksa mengurangkan waktu belajar mereka untuk memilih sumber kewangan alternatif dengan bekerja sambil selama berjam-jam atau mempunyai pelbagai pekerjaan (Rahim et al. 2020) yang akhirnya boleh menjejaskan prestasi akademik mereka. Selain itu, sesetengah pelajar tidak dapat membezakan kehendak dan keperluan mereka (Norazlan et al., 2020). Ibrahim et al. (2009) menyatakan bahawa apabila pelajar mempunyai wang yang banyak, mereka akan menggunakannya untuk perbelanjaan penting. Walau bagaimanapun, ada yang akan berbelanja untuk barangan yang tidak diperlukan.

Minat terhadap keusahawanan

Sebilangan sarjana, ahli teori, dan pembuat dasar telah memperkenalkan keusahawanan sebagai penyelesaian kepada kemiskinan (Najafizada & Cohen, 2017). Şahin et al. (2019) menjelaskan bahawa terdapat banyak faktor yang mendorong seseorang untuk menjadi usahawan tetapi pada masa yang sama faktor luaran juga turut mempengaruhi pembentukan personaliti keusahawanan. Faktor keluarga, masyarakat, pendidikan dan persekitaran ekonomi dilihat sebagai faktor penting dalam perkembangan kecenderungan keusahawanan (Chen & Lai, 2010). Hisrich et al. (2002) juga menekankan bahawa faktor keluarga, pendidikan, nilai peribadi, umur, pengalaman kerja dan teladan sebagai faktor yang mempengaruhi minat terhadap keusahawanan. Oleh yang demikian tidak hairan ramai orang miskin berusaha untuk menjadi usahawan kerana dilihat lebih banyak keuntungan berbanding makan gaji. Ini kerana menurut Moradi et al. (2020), kemiskinan merupakan masalah ekonomi yang semakin meningkat dan beberapa ahli teori telah memperkenalkan keusahawanan sebagai penyelesaian kepada kemiskinan.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk tinjauan. Responden kajian ini adalah daripada pelajar di Kolej Komuniti di Sabah. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, sampel

kajian terdiri daripada 205 pelajar: 123 lelaki dan 82 pelajar perempuan di semua peringkat Sijil Kolej Komuniti. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data adalah menggunakan soal selidik menggunakan *Google form*. Borang ini telah diedarkan ke semua lapan Kolej Komuniti namun hanya 203 pelajar sahaja yang memberikan maklum balas. Namun begitu jumlah ini adalah mencukupi menurut Hair et al. 2018 untuk membuat analisis mudah. Item kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 adalah adaptasi dari kajian Rahim et al. (2020). Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan perisian SPSS v.22 untuk analisis deskriptif mendapatkan nilai skor min. Nilai skor min akan di terjemah kepada nilai tahap seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 1: Item Kajian

Kod Item	Item Kajian
A. Kesukaran perbelanjaan dalam kehidupan pelajar	
K1	Selalu membeli keperluan asas sahaja
K2	Kurangkan membeli barang-barang berbentuk pelengkap dan kehendak
K3	Selalu membandingkan harga barang sebelum membeli
K4	Selalu berhutang membeli barang yang berkualiti
K5	Kerap menjalankan tawar menawar harga sebelum membeli
K6	Tidak cukup sumber kewangan untuk membeli makanan pada akhir semester
K7	Meminjam wang rakan untuk membeli makanan
K8	Selalu berlapar kerana ketiadaan wang untuk membeli makanan
K9	Ambil masa lama berfikir sebelum membeli walaupun barangan penting
K10	Tidak mengikuti aktiviti-aktiviti yang menggunakan duit sendiri
K11	Tidak mampu membeli peralatan pembelajaran yang berkualiti
B. Kecenderungan pelajar B40 untuk terlibat dalam keusahawanan	
M1	Sangat berminat untuk menjadi usahawan
M2	Akan belajar bersungguh-sungguh untuk menjadi usahawan
M3	Telah mempersiapkan diri untuk menjadi seorang usahawan
M4	Cita-cita saya adalah menjadi seorang usahawan
M5	Berusaha sedaya upaya untuk memulakan dan menjalankan perniagaan sendiri
M6	Telah berfikir secara serius untuk memulakan perniagaan sendiri setelah menamatkan pengajian
M7	Bertekad untuk memulakan perniagaan sendiri walaupun ada syarikat yang menawarkan saya gaji yang tinggi

Jadual 2: Penentuan Tahap Berdasarkan Skor Min

Skor min	Tafsiran
1.00– 1.99	Lemah
2.00– 2.99	Rendah
3.00– 3.99	Sederhana
4.00– 5.00	Tinggi

Sumber: Ngadiman et al. (2019)

Hasil Kajian

Latar belakang responden

Responden ini terdiri daripada pelajar Kolej Komuniti Negeri Sabah. Latar belakang responden secara terperinci adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Latar Belakang Responden

Item kajian		n	%	
Jantina	Lelaki	123	60.0	
	Perempuan	82	40.0	
Institusi	Kolej Komuniti Beaufort	9	4.4	
	Kolej Komuniti Kota Marudu	15	7.3	
	Kolej Komuniti Lahad Datu	11	5.4	
	Kolej Komuniti Penampang	9	4.4	
	Kolej Komuniti Sandakan	82	40.0	
	Kolej Komuniti Semporna	17	8.3	
	Kolej Komuniti Tambunan	22	10.7	
	Kolej Komuniti Tawau	40	19.5	
Kediaman semasa pengajian	Rumah keluarga	139	67.8	
	Rumah sewa	66	32.2	
	Semester pengajian	1 (sem 1 dan 2)	98	47.8
		2 (sem 3 dan 4)	105	51.2
		3 (sem mengulang)	2	1.0
Sumber kewangan	Bekerja sendiri	6	2.9	
	Biasiswa	68	33.2	
	Elaun	5	2.5	
	Ibu bapa / keluarga	123	60.0	
	Pinjaman pendidikan	3	1.5	
Pendapatan ibu bapa (RM)	1000 dan kebawah	94	45.9	
	2,000	42	20.5	
	3,000	31	15.1	
	4,000	17	8.3	
	5,000	9	4.4	
	6,000	5	2.4	
	7,000	3	1.5	
	8,000	1	0.5	
	9,000	2	1.0	
	10,000 dan ke atas	1	0.5	
HPNM	1.00 - 2.00	3	1.5	
	1.00 ke bawah	1	0.5	
	2.00 - 2.99	12	5.9	
	3.00 - 3.33	32	15.6	
	3.43 - 3.67	40	19.5	
	3.68 - 4.00	81	39.5	
	Semester 1 (tiada HPNM)	36	17.6	

Item kajian		n	%
Perlukan bantuan kewangan?	Tidak	19	9.3
	Ya	186	90.7
Ibu bapa tidak mampu menampung perbelanjaan anda sepanjang pengajian?	Tidak	41	20.0
	Tidak pasti	95	46.3
	Ya	69	33.7
kerap mengikuti program keusahawanan sepanjang pengajian?	Jarang	91	44.4
	Kerap	14	6.8
	Sangat kerap	8	3.9
	Sentiasa	56	27.3
	Tidak pernah	36	17.6

Kesukaran perbelanjaan dalam kehidupan pelajar

Kesukaran perbelanjaan pelajar ditunjukkan dalam Jadual 4. Secara keseluruhannya, masih ramai pelajar menghadapi kesukaran dalam perbelanjaan. Disebabkan ini ramai pelajar selalu membandingkan harga barang sebelum membeli (skor min 4.30) dan pelajar selalu membeli keperluan asas sahaja (skor min = 3.98).

Jadual 4: Kesukaran Perbelanjaan Dalam Kehidupan Pelajar

No. Item	Tahap Persetujuan (dalam peratus %)					S. Piawai	Skor Min	Kedudukan
	STS	TS	TP	S	SS			
K3	2.0	5.9	9.8	24.9	57.6	1.00	4.30	1
K1	2.4	7.3	18.5	33.7	38.0	1.04	3.98	2
K9	6.3	9.3	20.5	22.0	42.0	1.24	3.84	3
K2	5.4	11.7	26.3	34.6	22.0	1.12	3.56	4
K6	11.7	13.2	23.4	23.9	27.8	1.33	3.43	5
K11	14.6	15.6	25.9	15.1	28.8	1.41	3.28	6
K10	14.6	15.1	26.8	21.5	22.0	1.34	3.21	7
K5	17.6	17.6	19.0	21.0	24.9	1.44	3.18	8
K8	21.0	23.9	19.0	18.0	18.0	1.41	2.88	9
K7	24.4	19.5	22.4	16.6	17.1	1.41	2.82	10
K4	46.8	19.0	12.7	8.3	13.2	1.44	2.22	11

Kecenderungan Pelajar B40 Untuk Terlibat Dalam Keusahawanan

Sementara itu, tahap kecenderungan pelajar B40 adalah pada tahap sederhana. Ini ditunjukkan dalam Jadual 5. Dapatan tersedut menunjukkan bahawa masih ramai lagi pelajar belum berminat terhadap keusahawanan sebagai kerjaya.

Jadual 5: Tahap Kecenderungan Pelajar B40 Untuk Terlibat Dalam Keusahawanan

No. Item	Tahap Persetujuan (dalam peratus %)					S. Piawai	Skor Min	Tahap
	STS	TS	TP	S	SS			
M1	4.4	10.2	32.2	30.2	22.9	1.09	3.57	Sederhana
M2	4.4	8.8	29.8	33.2	23.9	1.07	3.63	Sederhana
M3	4.4	11.2	38.0	26.8	19.5	1.06	3.46	Sederhana
M4	9.3	12.7	38.5	23.4	16.1	1.15	3.24	Sederhana
M5	4.4	9.3	35.6	27.3	23.4	1.08	3.56	Sederhana
M6	5.4	12.2	38.0	27.3	17.1	1.07	3.39	Sederhana
M7	8.3	13.7	39.5	22.9	15.6	1.13	3.24	Sederhana

Perbincangan Dan Kesimpulan

Kebajikan pelajar adalah perkara yang kompleks untuk diuruskan. Skop dimensi ini adalah sangat meluas dan akan mempengaruhi kecemerlangan akademik. Kepelbagaian sosioekonomi pelajar merumitkan usaha pihak institusi menjaga kebajikan mereka termasuklah hal berkaitan kos sara hidup. Hasil kajian menunjukkan pelajar yang mempunyai kesukaran di dalam perbelanjaan adalah pelajar dari keluarga yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan atau dikategori sebagai B40. Justeru itu, dapatan kajian mendapati pelajar yang mengalami masalah kewangan ini merima bantuan kewangan dari kerajaan dan menerima sumber kewangan daripada ibu dan bapa bagi meneruskan pengajian di institusi. Keadaan ini menunjukkan kos sara hidup yang tinggi menyukarkan pelajar menguruskan perbelanjaan mereka dengan selalu membandingkan harga barang sebelum membeli (skor min 4.30) dan pelajar selalu membeli keperluan asas sahaja (skor min = 3.98). Sekiranya perkara ini tidak diurus dengan baik pelajar mungkin akan menahan lapar sepanjang pengajian seperti yang dicatat di dalam Kajian *Temple University* dan *Wisconsin HOPE Lab* pada 2018 yang mendapati responden memilih tidak makan bagi menampung perbelanjaan seperti sewa rumah dan perbelanjaan harian. Peruntukan bantuan kewangan pelajar B40 perlu ditingkatkan bagi menjamin kualiti di dalam pendidikan. Pada Mac 2019 Kabinet juga telah meluluskan peruntukan khas program Food Bank di Universiti Awam sahaja dan pihak kerajaan perlu meluaskan fungsi Food Bank di Politeknik dan Kolej Komuniti dengan kolaborasi bersama usahawan tempatan. Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa tahap minat pelajar di dalam bidang keusahawanan di tahap yang sederhana. Pihak institusi perlu meningkatkan konsep inkubator untuk meningkatkan keusahawanan dan peluang pekerjaan. Minat pelajar perlu ditarik untuk menjana pendapatan sampingan melalui keusahawanan E-Rezeki secara teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Rujukan

- Chen, Y. F., & Lai, M. C. (2010). Factors influencing the entrepreneurial attitude of Taiwanese tertiary-level business students. *Social Behavior and Personality: an international journal*, 38(1), 1-12.
- Dang, E. I., & Bulus, E. J. (2015). The impact of finance on the academic performance of secondary school students in Akwanga Local Government of Nassarawa State, Nigeria. *Journal of Social Sciences and Public Policy*, 7(2), 44-54.
- Daud, N., Norwani, N. M., & Yusof, R. (2018). Students Financial Problems in Higher Education Institutions. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(10), 1158–1565
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2018). *Multivariate Data Analysis* (8th ed.). United Kingdom: Cengage Learning.
- Hamzah, M. R., Daud, K. A. K., Ismail, N., Ahmad, N., & Nordin, N. (2009). Tahap pengetahuan dan minat pelajar Universiti Malaysia perlis terhadap bidang keusahawanan: Satu tinjauan ke arah pembentukan teknousahawan Universiti Malaysia Perlis. *International Proceedings of Entrepreneurship Development*.
- Haron, A. A., Juhdi, N. H., & Rahid, M. R. (2022). Program Keusahawanan dan Prospek Kerjaya Pilihan Mahasiswa: Kajian di UKM. *Journal of Entrepreneurship and Business*, 10(1), 115-129.
- Hisrich, R. D., Peters, M. P., & Sheperd, D. A. (2002). *Entrepreneurship*, McGraw-Hill. New York.
- Ibrahim, D. I. D., Harun, R., & Isa, Z. M. (2010). A study on financial literacy of Malaysian degree students. *Cross-cultural communication*, 5(4), 51-59.
- Lee, N., & Rodríguez-Pose, A. (2021). Entrepreneurship and the fight against poverty in US cities. *Environment and Planning A: Economy and Space*, 53(1), 31-52.
- Mainor, N. A., & Lai, W. S. (2020). Perspektif pelajar terhadap budaya bekerja sendiri. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(2), 1-13.
- Moradi, M., Imanipour, N., Arasti, Z., & Mohammadkazemi, R. (2020). Poverty and entrepreneurship: a systematic review of poverty-related issues discussed in entrepreneurship literature. *World Review of Entrepreneurship, Management and Sustainable Development*, 16(2), 125-152.
- Najafizada, S. A. M., & Cohen, M. J. (2017). Social entrepreneurship tackling poverty in Bamyán Province, Afghanistan. *World Development Perspectives*, 5, 24-26.
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.
- Norazlan, N., Yusuf, S., & Mohamed Hamoud Al-Majdhoub, F. A. T. I. M. A. (2020). The financial problems and academic performance among public university students in Malaysia. *The Asian Journal of Professional and Business Studies*, 2(2).
- Rahim, H. A., Seng, N. D., Ngadiman, D. W. T., & Ismail, N. A. (2020). The debt management patterns of educational loan recipients among Polytechnic Students In Kota Kinabalu, Sabah: An Empirical Study. *International Journal of Accounting*, 5(28), 49-57.
- Şahin, F., Karadağ, H., & Tuncer, B. (2019). Big five personality traits, entrepreneurial self-efficacy and entrepreneurial intention: A configurational approach. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*.
- Saufi, S., Noor, T. S. T., Shaari, M. A. A. H., & Noor, S. (2021). Faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kejayaan usahawan di kalangan asnaf di Malaysia: satu tinjauan literatur. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 61-67